



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

LAPORAN HARIAN JUMAAT, 7 FEBRUARI 2025



LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



7/2/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
1	KPWKM KOMITED PERLUAS LATIHAN PENJAGAAN WARGA EMAS		POSITIF
	https://berita.rtm.gov.my/nasional/senarai-berita-nasional/senarai-artikel/kpwkm-komited-perluas-latihan-penjagaan-warga-emas	BERITA.RTM.GOV.MY	
	https://malaysiamadani.gov.my/2025/02/kpwkm-perkukuh-profesionalisme-dan-latihan-penjagaan-warga-emas/	MALAYSIAMADANI.GOV.MY	
	https://www.tvsarawak.my/2025/02/06/dewan-rakyat-kpwkm-perkukuh-industri-penjagaan-tumpu-peningkatan-kemahiran-serta-profesionalisme-penjaga/	TVSARAWAK.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
2	KERAJAAN SALUR RM135.413 JUTA, BANTUAN DI BAWAH JKM MELAKA		POSITIF
	https://bernama.com/bm/news.php/nnews.php?id=2389914	BERNAMA.COM	
	https://www.melakahariini.my/melaka-perkasa-penubuhan-pdk-di-luar-bandar/	MELAKAHARIINI.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
3	BABY HATCH PAHANG DIBUKA KEMBALI		POSITIF
	https://pahangmedia.my/archives/44815	PAHAMGMEDIA.MY	
	https://malaysiagazette.com/2025/02/06/hanya-seorang-bayi-dihantar-ke-baby-hatch-kpj-kuantan-dalam-tempoh-10-tahun/	MALAYSIAGAZETTE.COM	
	https://www.sinarharian.com.my/article/711216/edisi/pahang/hanya-seorang-bayi-diserahkan-di-baby-hatch-pahang	SINARHARIAN.COM.MY	

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



7/2/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
4	JKM CARI IBU KANDUNG, WARIS KAVIARASAN DAN KAVIYA		NEUTRAL
	https://www.sinarharian.com.my/article/711219/edisi/melaka-ns/jkm-cari-ibu-kandung-waris-kaviarasan-dan-kaviya#google_vignette	SINARHARIAN.COM.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
5	ADUAN GANGGUAN SEKSUAL PALING BANYAK DITERIMA DALAM INDUSTRI SUKAN - HANNAH		NEGATIF
	https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2025/02/1357960/aduan-gangguan-seksual-paling-banyak-diterima-dalam-industri-sukan	BHARIAN.COM.MY	
	https://www.buletintv3.my/nasional/28-kes-gangguan-penderaan-dalam-sukan-dilaporkan-hannah/	BULETINTV3.MY	
	https://www.wilayahku.com.my/kbs-terima-28-aduan-kes-libatkan-gangguan-penderaan-dalam-sukan/	WILAYAHKU.COM.MY	
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/02/1184413/kbs-terima-28-aduan-babitkan-atlet	HMETRO.COM.MY	
	https://malaysiatribune.news/2025/02/06/kbs-terima-28-aduan-penderaan-gangguan-seksual-antara-2023-hingga-2024/	MALYSIATRIBUNE.NEWS	
	https://www.bharian.com.my/sukan/lain-lain/2025/02/1358244/kbs-terima-28-aduan-termasuk-penderaan-seksual	BHARIAN.COM.MY	
	https://www.kosmo.com.my/2025/02/06/dewan-rakyat-28-aduan-penderaan-seksual-dalam-industri-sukan/	KOSMO.COM.MY	
	https://www.nst.com.my/news/nation/2025/02/1171257/sexual-abuse-among-top-complaints-malysias-sports-sector-yeoh	NST.COM.MY	

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



7/2/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
6	IBU BAPA MENGAKU TIDAK BERSALAH DERA ANAK KANDUNG		NEGATIF
	https://www.astroawani.com/berita-malaysia/ibu-bapa-mengaku-tidak-bersalah-dera-anak-kandung-507480	ASTROAWANI.COM	
	https://www.sinarharian.com.my/article/711178/berita/semasa/suami-isteri-tak-mengaku-lakukan-pengabaian-terhadap-anak#google_vignette	SINARHARIAN.COM.MY	
	https://www.bharian.com.my/berita/kes/2025/02/1358006/ibu-bapa-budak-dengan-kesan-pukul-bakar-didakwa-abai-anak	BHARIAN.COM.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
7	TENTERA MABUK DIDAKWA CABUL KANAK-KANAK		NEGATIF
	https://www.kosmo.com.my/2025/02/06/tentera-mabuk-didakwa-cabul-kanak-kanak/	KOSMO.COM.MY	
	https://malaysiagazette.com/2025/02/06/anggota-tentera-mabuk-nafi-cabul-budak-8-tahun/	MALAYSIAGAZETTE.COM	
	https://www.utusan.com.my/nasional/2025/02/tentera-mabuk-didakwa-cabul-kanak-kanak/	UTUSAN.COM.MY	
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/02/1184564/anggota-tentera-didakwa-amang-seksual-seks-luar-tabii-terhadap-anak-saudara	HMETRO.COM.MY	
	https://www.youtube.com/watch?v=IRXXj4w6XIQ	YOUTUBE	
	https://www.sinarharian.com.my/article/711206/berita/semasa/sarjan-tentera-mabuk-nafi-amang-seksual-budak-lapan-tahun	SINARHARIAN.COM.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
8	SURI RUMAH DIPENJARA ENAM TAHUN ANIAYA ANAK RAKAN HINGGA CEDERA		NEGATIF
	https://www.astroawani.com/berita-malaysia/suri-rumah-dipenjara-enam-tahun-aniaya-anak-rakan-hingga-cedera-507562	ASTROAWANI.COM	
	https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2389991	BERNAMA.COM	

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



KPWKM komited perluas latihan penjagaan warga emas

Nasional - Dicipta: 06 Februari 2025 02:38 PM - Kemas kini: 06 Februari 2025 02:38 PM



Foto RTM

KUALA LUMPUR, 6 Februari –Penyediaan latihan penjagaan warga emas di seluruh negara akan terus diperkasa dan diperluaskan bagi melahirkan penjaga yang berkemahiran serta berdisiplin, kata Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Nancy Shukri.

Menurut beliau, meskipun tiada peruntukan undang-undang yang mewajibkan pemilikan sijil profesional tertentu bagi penjaga warga emas, usaha meningkatkan tahap kemahiran dalam bidang ini tetap menjadi keutamaan.

“Institut Sosial Malaysia (ISM) di bawah kementerian ini memainkan peranan penting dalam menawarkan Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) Tahap 3 bagi bidang Operasi Pusat Jagaan Orang Tua,” katanya ketika menjawab pertanyaan lisan Ahli Parlimen Masjid Tanah, Datuk Mas Ermeyati Samsudin di Parlimen hari ini.

Nancy turut memaklumkan bahawa kursus ini terbuka kepada penjawat awam, pengusaha pusat jagaan, badan bukan kerajaan (NGO), serta sukarelawan.

“Bergerak ke hadapan, ISM merancang untuk menambah bidang SKM ke Tahap 4, iaitu peringkat diploma bagi Pentadbiran Pusat Jagaan Orang Tua, bagi melahirkan penjaga atau pengasuh yang lebih berkelayakan,” tambahnya.

Beliau menjelaskan bahawa kurikulum kursus ini dibangunkan dan diselaraskan dengan Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan (NOSS) bagi memastikan kualiti dan piawaian latihan yang terbaik.

Sementara itu, berhubung dengan penggubalan akta khusus untuk warga emas, pihaknya telah menubuhkan Special Project Team (SPT) yang terdiri daripada wakil kementerian, NGO, ahli akademik, SUHAKAM dan Majlis Peguam bagi mengkaji serta merangka akta yang relevan.

“Manakala berhubung status terkini penggubalan RUU Profesion Kerja Sosial pula, KPWKM kini sedang giat memuktamadkannya dan dirancang untuk dibentangkan di Parlimen pada tahun ini juga,” katanya.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Kerajaan Salur RM135.413 Juta, Bantuan Di Bawah JKM Melaka

06/02/2025 03:12 PM



Exco Hal Ehwal Wanita, Pembangunan Keluarga dan Kebajikan negeri Datuk Kalsom Nordin.

MELAKA, 6 Feb (Bernama) -- Kerajaan Persekutuan dan negeri memperuntukkan sejumlah RM135.413 juta pada tahun lepas bagi menyalurkan bantuan kepada penerima di negeri ini di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) Melaka.

Exco Hal Ehwal Wanita, Pembangunan Keluarga dan Kebajikan negeri Datuk Kalsom Nordin berkata jumlah itu meliputi 28,609 penerima bagi bantuan bulanan sepanjang tahun tersebut.

"Ia termasuk peruntukan RM16.18 juta oleh Kerajaan Negeri Melaka khusus buat rakyat negeri ini, yang meliputi bantuan kewangan bulanan, sumbangan perayaan, bantuan mesra susu orang terlantar dan lampin pakai buang dewasa dengan melibatkan 5,210 penerima.

"Selibhnya adalah daripada kerajaan Persekutuan bagi bantuan seperti elaun pekerja orang kelainan upaya (OKU), penjagaan OKU dan pesakit kronik terlantar, kanak-kanak dan warga emas," katanya kepada pemberita di sini hari ini.

Terdahulu beliau menjadi tetamu dalam segmen Temu Bual Eksklusif Program Wakil Rakyat Untuk Rakyat (W.R.U.R) di konti MELAKA fm, turut hadir Pengarah Jabatan Penyiaran Melaka Siti Norbaini Khairi.

Dalam pada itu beliau berkata bersempena program W.R.U.R di Dewan Undangan Negeri (DUN) Pengkalan Batu, 93 program akan diadakan sepanjang dua minggu penganjuran yang bermula 10 Feb ini.

Beliau berkata antaranya pameran, gotong-royong, ceramah agama, kenduri rakyat, ziarah kasih dan program baik pulih tiga buah rumah yang layak terpilih di DUN Pengkalan Batu.

"Tidak ketinggalan pertandingan badminton, sepak takraw dan futsal yang melibatkan pelbagai lapisan masyarakat bagi memastikan semua golongan mendapat manfaatnya.

"Sepanjang program yang berakhir 23 Feb ini turut mendapat kerjasama daripada pelbagai jabatan dan agensi selain Jawatankuasa Pembangunan dan Penyelarasan Dewan Undangan Negeri (JAPERUN) Pengkalan Batu," katanya.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



BABY HATCH PAHANG DIBUKA KEMBALI

6 February, 2025



Exco Kebajikan Masyarakat, Pembangunan Wanita dan Keluarga Negeri Pahang, YB. Dato' Sabariah Saidan ketika merasmikan Majlis Pelancaran Pusat Perlindungan Bayi (Baby Hatch) KPJ Pahang Specialist Hospital di Hospital Pakar KPJ Pahang, di sini hari ini.

Oleh : Safiah Hanani Norhalizan

Foto : Ashraf Hakimi Hashim

KUANTAN, 06 FEBRUARI 2025 : KPJ Pahang Specialist Hospital mengumumkan pembukaan semula Pusat Perlindungan Bayi (Baby Hatch) pertama Pahang, hari ini.

Baby hatch terbabit merupakan pusat perlindungan bayi yang ketujuh dibuka oleh hospital pakar KPJ di seluruh negara.

Menurut Exco Kebajikan Masyarakat, Pembangunan Wanita dan Keluarga Negeri Pahang, YB. Dato' Sabariah Saidan, baby hatch ini bertujuan untuk memberikan perlindungan dan keselamatan kepada bayi yang ditinggalkan serta membantu mencegah kes penderaan dan pemuangan bayi.

"Baby hatch ini bukan bertujuan untuk menggalakkan seks luar nikah ataupun mengandung awal, tetapi tujuan utamanya adalah untuk kita menyelamatkan nyawa bayi yang tidak berdosaa," katanya.



Exco Kebajikan Masyarakat, Pembangunan Wanita dan Keluarga Negeri Pahang, YB. Dato' Sabariah Saidan ketika Majlis Pelancaran Pusat Perlindungan Bayi (Baby Hatch) KPJ Pahang Specialist Hospital di Hospital Pakar KPJ Pahang, di sini hari ini.

Dalam pada itu, beliau mengharapkan usaha ini mampu mengurangkan kes pemuangan bayi dan memberikan harapan kepada masa depan yang lebih baik bagi semua.

"Jadi kita mengharapkan agar dengan adanya baby hatch ini, tidak ada lagi kes-kes pemuangan bayi di tepi sungai, tepi longkang, di masjid dan sebagainya, dimana dengan adanya baby hatch ini keselamatan bayi tersebut lebih terjamin," ujarnya.

Beliau juga menjelaskan bahawa baby hatch tidak menyimpan bayi yang ditinggalkan di situ, sebaliknya bayi tersebut akan diserahkan kepada keluarga angkat yang berminat melalui perbincangan antara Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dan pihak-pihak berkaitan.

Pusat Perlindungan Bayi (Baby Hatch) ini dilancarkan sejak tahun 2012, dan KPJ Pahang pernah menerima seorang bayi pada tahun 2015 ketika beroperasi di Alor Akar.

Kerjasama antara OrphanCare dan KPJ Healthcare yang bermula tahun 2013 ini memberi fokus kepada kesejahteraan kanak-kanak terutamanya dalam aspek kesihatan dan kebajikan sekaligus menyediakan perkhidmatan kesihatan yang lebih baik dan sokongan kepada kanak-kanak yang memerlukan termasuk penglibatan dalam program kesihatan dan rawatan untuk anak-anak di bawah jagaan OrphanCare. -PAHANGMEDIA

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm

TAJUK :	TRANSIT HOMES FOR TEEN MOTHERS NOT A LONG-TERM SOLUTION		
HARI :	JUMAAT	AKHBAR :	THE SUN
TARIKH :	7 FEB 2025	M/SURAT :	03
TONE :	NEUTRAL	SEKTOR :	KPWKM

Transit homes for teen mothers not a long-term solution

BY QIRANA NABILLA MOHD RASHIDI
newsdesk@thesundaily.com

PETALING JAYA: Of the 44,263 cases of teenage pregnancies recorded in Malaysia over the past five years, 17,646 involved unmarried girls.

However, while having a transit home for them is a positive move, it is not a permanent solution, said Universiti Teknologi Mara Social and Policy Studies lecturer Prof Dr Yarina Ahmad.

She was commenting on Dawn Hope, the country's first transit home in Kuching, Sarawak, which offers protection, healthcare, mental health services, counselling and parenting guidance for young girls.

"It is praiseworthy to have such a home, but it should not be a permanent solution. Efforts should instead focus on comprehensive sex education, parental guidance and community awareness.

"Providing such services at the home serves as a crucial support system, but real change requires a broader societal shift in education and awareness. If the number of cases continues to rise, will we keep building more transit homes? That

Experts urge better sex education, parental guidance and community awareness to address rising cases

would indicate deeper social problems," she said.

Yarina stressed that ensuring the home is a safe and non-judgmental space for teenagers requires strict privacy protection and proper policies.

She added that clear regulations must uphold residents' confidentiality and staff must receive specialised training to handle sensitive situations with care, focusing on supporting them.

"Societal stigma remains a major challenge, making teenage pregnancy a taboo subject. The strong culture of blame and shame often isolates pregnant girls, making it harder for them to seek help.

"To address this, education is key - not to normalise teenage pregnancy but to encourage understanding. If society refuses to help, where else can these girls go?"

She also pointed out that schools

play a key role in early intervention by identifying cases and preventing escalation.

Students facing issues related to inappropriate sexual activity should feel safe reporting them to teachers to ensure proper guidance.

"In 2010, a politician suggested that teenage pregnancies could be resolved through marriage, but this is not a viable solution. Forcing unprepared individuals into marriage could lead to more problems, which is why comprehensive sex education should be introduced early as a preventive measure."

Yarina noted that a transit home can benefit parents who are unable to care for their pregnant children.

For teenagers, being surrounded by others in similar situations can provide emotional support and reduce feelings of isolation.

Sarawak Women for Women

Society president Dr Angie Garet described the transit home as a support initiative that helps pregnant teens receive comprehensive assistance, including counselling, parenting education and coping strategies to manage stress, mental health challenges and relationships.

"The home is set to begin operations next month, and pregnant teens seeking refuge there will undergo an interview and screening by Pertubuhan Pergerakan Insan Sarawak, which will manage the facility.

"It is specifically for those who have no one to care for them, and provides a safe space free of charge until they give birth, helping them transition into life after leaving the home," she said.

Garet emphasised that confidentiality is a priority to ensure the transit home remains a safe and non-judgmental space for pregnant teenagers.

She highlighted that the long-term goal of the initiative is to support young mothers while also reducing cases of abandoned babies and baby dumping by providing a safe space for those in need.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



JKM cari ibu kandung, waris Kaviarasan dan Kaviya

06 Februari 2025 02:54pm



JKM mencari ibu kandung atau waris kepada Kaviarasan dan Kaviya.

TAMPIN - Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) daerah Tampin sedang mencari ibu kandung atau waris kepada kanak-kanak lelaki dikenali sebagai Kaviarasan yang kini berusia 12 tahun.

JKM dalam satu kenyataan memaklumkan kanak-kanak tersebut telah dirujuk ke jabatannya yang mana kanak-kanak itu telah dijaga oleh penjaga yang merupakan pasangan suami isteri sejak berusia dua tahun pada tahun 2014.

"Ia selepas diserahkan oleh seorang lelaki yang bekerja sebagai pemandu teksi pada ketika itu.

"Ibu kandung kanak-kanak tersebut dikatakan bernama Maria Rosliya, warga Indonesia. Namun, kedua-duanya sudah menghilangkan diri dan tidak ditemui sehingga sekarang," kata kenyataan itu.

Jelas kenyataan itu, kanak-kanak berkenaan telah diserahkan kepada penjaga di alamat Gemencheh, Negeri Sembilan.

"Perintah Jagaan Sementara di bawah Seksyen 19 (2) Akta Kanak-Kanak 2001 iaitu meletakkan kanak-kanak di dalam pemeliharaan Orang Yang Layak dan Sesuai (OYLS) telah dipohon pada 29 November tahun lalu.

"Maklumat lengkap ibu kandung tidak diketahui kerana penjaga tidak pernah melihat atau menyimpan sebarang salinan dokumen pengenalan dan kanak-kanak masih belum mempunyai sijil kelahiran.

"Pelindung JKM kini dalam usaha mengesan ibu kandung atau waris kepada kanak-kanak. Sehubungan itu, jabatan ini mengalu-alukan waris atau mana-mana individu yang mempunyai maklumat untuk menghubungi Pelindung kes, iaitu Cik Nur Shahirah Mohd Nor Azlan di talian 06-4411646," kata kenyataan itu.

Tambah kenyataan itu, pihak berkenaan juga boleh hadir ke Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah Tampin bagi memberikan maklumat dan seterusnya membantu mahkamah untuk membuat keputusan terbaik bagi penempatan dan kebajikan kanak-kanak.

JKM cari ibu kandung Kaviya

Dalam pada itu, JKM Daerah Kuala Selangor juga sedang mencari ibu kandung kepada seorang kanak-kanak perempuan dikenali dengan nama Kaviya bagi urusan penjagaan dan penempatan.

Pelindung Kanak-Kanak, Intan Shafika Shaidan berkata, ibu kanak-kanak itu bernama Zhen meninggalkan anaknya yang dianggarkan berusia tujuh tahun kepada pasangan suami isteri pada Jun 2020 lalu.

"Kanak-kanak telah dirujuk kepada Pelindung Kanak-Kanak di JKM Daerah Kuala Selangor pada Disember tahun lalu," katanya dalam satu kenyataan pada Rabu.

Beliau memberitahu, kanak-kanak itu telah ditempatkan dalam jagaan sementara orang yang layak dan sesuai di bawah peruntukan Seksyen 19(2) Akta Kanak-Kanak 2001 bermula 26 Disember tahun lalu sehingga 26 Februari ini.

"Kes kanak-kanak telah disiasat di bawah peruntukan Seksyen 17 Akta Kanak-Kanak 2001," tambah beliau.

Sehubungan itu, katanya, pihaknya memerlukan maklumat berhubung ibu kandung kanak-kanak bagi membolehkan Pelindung Kanak-Kanak melengkapkan siasatan dan penempatan kanak-kanak dapat dilakukan dengan sewajarnya.

Orang ramai yang mempunyai sebarang maklumat berhubung ibu kandung kanak-kanak boleh disalurkan ke Bahagian Kanak-Kanak di JKM Daerah Kuala Selangor di talian 03-32891495.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



TAJUK : FLOODS STILL A THREAT, BINTULU FOLK WARNED

HARI : JUMAAT

AKHBAR : THE STAR

TARIKH : 7 FEB 2025

M/SURAT : 07

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWK



Watery trek: Villagers from Kampung Selampit in Lundu, about 84km from Kuching, making their way home along a flooded access road.
— ZULAZHAR SHEBLEE / The Star

Floods still a threat, Bintulu folk warned

BINTULU: Residents here have been advised to remain vigilant and be prepared for the possibility of further flooding.

Bintulu Zone 5 Fire and Rescue Department (JBPM) chief Wan Kamarudin Wan Ahmad said while weather forecast predicted no continuous downpours that could cause flooding like last week, the department was not underestimating the situation.

"Although we are not expecting heavy rain, we are always on

standby with our personnel and logistical support ready to respond if another flood occurs in Bintulu," he said.

He said the department has distributed informational pamphlets to Bintulu residents, outlining the necessary action to take before, during and after a flood to ensure their safety, Bernama reported.

On Wednesday night, Bintulu saw several areas, including Kidurong and Sungai Plan, sub-

merged again.

Wan Kamarudin said the Bintulu JBPM with its 60 personnel and assets, which include three trucks and six boats, was fully equipped to handle any potential flooding.

"Nearby fire stations in Kidurong and Samalaju are also on standby to provide additional support if needed," he said.

As of yesterday morning, 1,864 flood victims were at six temporary relief centres in Bintulu.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



TAJUK : KBS MAKLUMKAN ADA 28 ADUAN DALAM 2 TAHUN

HARI : JUMAAT

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 7 FEB 2025

M/SURAT : 16

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

KBS maklumkan ada 28 aduan dalam 2 tahun

Kuala Lumpur: Kementerian Belia dan Sukan (KBS) memaklumkan sebanyak 28 aduan membabitkan pelbagai kes dalam industri sukan negara dalam tempoh dua tahun sejak 2023.

Menterinya Hannah Yeoh berkata, sebanyak 16 kes sudah diselesaikan seperti penderaan seksual (dua kes), penderaan mental (tiga), penderaan fizikal (dua), buli (empat), ugutan (dua), antunan seksual (dua) dan pengabaian (satu).

Menurutnya, 11 kes masih aktif dengan jumlah tertinggi adalah penderaan seksual (empat kes), penderaan mental (dua), penderaan fizikal (dua)

dan pengabaian (tiga kes).

“Dalam usaha memperkasakan pelaksanaan Kod Sukan Selamat, KBS akan meneruskan program advokasi dan kesedaran di peringkat akar umbi bagi memastikan seluruh komuniti sukan memahami peranan dan tanggungjawab masing-masing,” katanya dalam jawapan bertulis di Parlimen.

Beliau berkata demikian menjawab pertanyaan **Syahredzan Johan (PH-Bangi)** mengenai langkah intervensi untuk wanita dalam sukan melalui Kod Sukan Selamat dan perancangan kementerian untuk memperkasakan kod itu.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



TAJUK : TAK BOLEH IKAT JAMIN

HARI : JUMAAT

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 7 FEB 2025

M/SURAT : 12

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

Tak boleh ikat jamin

Pasangan tidak mengaku salah laku pengabaian terhadap anak

Oleh Nur Izzati Mohamad
am@hmetro.com.my

Butterworth

Suami isteri tidak mengaku salah di Mahkamah Sesyen di sini, semalam atas pertuduhan melakukan pengabaian terhadap anak lelaki mereka sehingga memerlukan rawatan di sebuah hospital Januari lalu.

P Ananthanras, 35, dan isteri, M Iswari, 33, membuat pengakuan itu ketika pertuduhan dibacakan secara bersama di hadapan Hakim Nor Azah Kasran.

Pemandu van kilang dan operator kilang berkenaan didakwa telah melakukan pengabaian terhadap seorang kanak-kanak lelaki berusia 10 tahun yang mana mereka mempunyai pemeliharaan ke atas mangsa.

Mereka didakwa melakukan kesalahan itu di sebuah kediaman di Taman Sentosa, Nibong Tebal dalam daerah Seberang Perai Selatan, dekat sini, antara 29 hingga 30 Januari lalu.

Pendakwa dikemukakan mengikut Seksyen 31(1)(a) Akta Kanak-kanak 2001 yang jika disabitkan kesalahan boleh dihukum denda tidak melebihi RM50,000 atau penjara maksimum 20 tahun atau kedua-duanya sekali.

Kes dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya, Muhammad Rifaie Mohamed Riyaludin manakala ke-



ANANTHANRAS (kiri) dan Iswari dihadapkan ke Mahkamah Sesyen Butterworth, semalam. - Gambar NSTP/DANIAL SAAD

dua-dua tertuduh tidak diwakili peguam.

Muhammad Rifaie tidak menawarkan sebarang jaminan terhadap tertuduh kerana kesalahan yang dilakukan tidak boleh diikat jamin, selain faktor mangsa yang juga anak kandung pa-

sangan itu adalah saksi penting dalam kes terbabit.

Muhammad Rifaie turut memberitahu mahkamah bahawa mangsa kini masih menerima rawatan di Hospital Sungai Bakap (HSB).

Dalam pada itu, tertuduh

lelaki yang juga bapa mangsa mempunyai rekod kesalahan lampau di bawah Seksyen 323 Kanun Keseksaan pada 2019 dan 2020.

Mahkamah tidak membenarkan kedua-dua tertuduh diikat jamin dan menetapkan 6 Mac depan sebagai tarikh sebutan semula bagi mendapatkan laporan perubahan mangsa.

Mahkamah menetapkan 6 Mac depan sebagai tarikh sebutan semula

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



TAJUK : PENANG COUPLE CHARGED WITH CHILD NEGLECT

HARI : JUMAAT

AKHBAR : NEW STRAITS TIMES

TARIKH : 7 FEB 2025

M/SURAT : 09

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWK

SON HOSPITALISED

Penang couple charged with child neglect

BUTTERWORTH: A couple was charged at the Sessions Court here yesterday with neglecting their son, resulting in his hospitalisation.

The couple, a 35-year-old man and 33-year-old woman, claimed trial to the charge before judge Nor Azah Kasran.

They were alleged to have ne-

glected their 10-year-old son at a residence in Nibong Tebal between Jan 29 and Jan 30.

The charge was framed under Section 31(1)(a) of the Child Act, which carries a maximum 20-year prison sentence and a fine of up to RM50,000 or both upon conviction.

Deputy public prosecutor

Muhammad Rifaie Mohamed Riyaludin prosecuted. The accused were unrepresented.

No bail was granted, and the court set March 6 for mention, pending receipt of the victim's medical report.

Rifaie said the victim, a key witness, is still receiving treatment at Sungai Bakap Hospital.



LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



TAJUK : SOLDIER DENIES SEXUALLY ASSAULTING GIRL, EIGHT

HARI : JUMAAT

AKHBAR : THE STAR

TARIKH : 7 FEB 2025

M/SURAT : 05

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

Soldier denies sexually assaulting girl, eight

MELAKA: An army sergeant claimed trial in the Session's Court in Ayer Keroh to two charges of sexually assaulting an eight-year-old girl.

The plea of the 30-year-old accused was recorded before judge Hederiah Siri yesterday.

For the first charge, under Section 14(A) of the Sexual Offences Against Children Act 2017, the accused is alleged to have sexually assaulted the victim by committing despicable acts.

For the second charge, under Section 377C of the Penal Code, the soldier is accused of committed an unnatural act by inserting his genitals into the victim's mouth without her consent.

Both the offences were allegedly committed at a home here at 8.21am on Jan 30.

The court granted bail of RM20,000 and ordered additional conditions that the accused refrain from contacting the victim and must report to the nearest police station once a month until the end of the court case.

It also fixed March 6 for next mention.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Suri rumah dipenjara enam tahun aniaya anak rakan hingga cedera

Bermama

06/02/2025 18:25 MYT



Mahkamah turut mengarahkan ibu kepada empat anak itu menjalani khidmat masyarakat selama 50 jam agregat dan dikenakan bon berkelakuan baik dengan cagaran RM3,000 dengan seorang penjamin. - Gambar hiasan

KOTA BHARU: Seorang suri rumah dijatuhi hukuman penjara enam tahun oleh Mahkamah Sesyen di sini hari ini kerana menganiaya anak rakannya yang berusia dua tahun sehingga menyebabkan kecederaan fizikal.

Hakim Zulkifli Abllah menjatuhkan hukuman itu terhadap Nur Intan Baiduri Hassim, 34, selepas dia mengaku bersalah atas pertuduhan itu dan memerintahkan hukuman penjara berkuat kuasa pada tarikh tangkap 19 Nov 2023.

Mahkamah turut mengarahkan ibu kepada empat anak itu menjalani khidmat masyarakat selama 50 jam agregat dan dikenakan bon berkelakuan baik dengan cagaran RM3,000 dengan seorang penjamin.

Zulkifli juga menasihati wanita itu agar tidak mengulangi kesalahan sama.

"Kes ini adalah serius kerana melibatkan kanak-kanak yang tidak berdosa dan tertuduh pertama juga sudah pun dikenakan hukuman penjara selama lapan tahun," katanya.

Nur Intan Baiduri merupakan tertuduh kedua manakala tertuduh pertama Norhaslina Hassim telah dijatuhi hukuman penjara lapan tahun.

Mengikut pertuduhan, wanita itu sebagai orang yang mempunyai pemeliharaan seorang kanak-kanak perempuan berumur dua tahun enam bulan didakwa telah menganiaya kanak-kanak itu sehingga menyebabkan kecederaan fizikal.

Tertuduh didakwa melakukan kesalahan itu di sebuah rumah di Taman Jintan Gemilang, Pangkal Changgong, Machang antara 27 Okt hingga 19 Nov 2023.

Pertuduhan dikemukakan mengikut Seksyen 31(1)(a) Akta Kanak-kanak 2001 yang boleh dihukum di bawah Seksyen 31 (1)(a) akta sama yang memperuntukkan hukuman denda maksimum RM50,000 atau penjara tidak lebih 20 tahun atau kedua-duanya, jika sabit kesalahan.

Timbalan Pendakwa Raya Ahmad Faiz Fitri Mohamad memohon hukuman setimpal mengambil kira kecederaan dialami kanak-kanak itu.

Peguam Yayasan Bantuan Guaman Kebangsaan Shaharuddin Mohamed merayu hukuman ringan atas alasan anak guamnya menghadapi masalah kewangan dan menanggung empat anak kecil setelah berpisah dengan suami.